

# BUKTI-BUKTI IKHLAS

(Fit-Thariq Ilallah: An-Niyyah wal-Ikhlas, Dr. Yusuf al-Qaradhawi)

Ikhlas itu mempunyai bukti dan tanda-tanda yang banyak sekali, contohnya, dalam kehidupan orang yang ikhlas dalam tindak-tanduknya, dalam pandangan terhadap dirinya dan juga orang lain. Di antaranya adalah:

## **Pertama: Takut Kemasyhuran**

Takut kemasyhuran dan tersebarnya kemasyhuran ke atas dirinya, lebih-lebih lagi jika dia termasuk orang yang mempunyai pangkat tertentu. Dia perlu yakin bahawa penerimaan amal di sisi Allah hanya dengan cara sembunyi-sembunyi, tidak secara terang-terangan dan didedahkan. Sebab andaikata kemasyhuran seseorang memenuhi seluruh angkasa, lalu ada niat tidak baik yang masuk ke dalam dirinya, maka sedikit pun manusia tidak memerlukan kemasyhuran itu di sisi Allah.

Oleh itu zuhud dalam masalah kedudukan, kemasyhuran, penampilan dan hal-hal yang serba gemerlap lebih besar daripada zuhud dalam masalah harta, syahwat perut dan kemaluan. Al-Imam Ibn Syihab az-Zuhri berkata: "Kami tidak melihat zuhud dalam hal tertentu yang lebih sedikit daripada zuhud dalam kedudukan. Engkau melihat seseorang berzuhud dalam masalah makanan, minuman dan harta. Namun jika kami membahagi-bahagikan kedudukan, tentu mereka akan berebut dan meminta lebih banyak lagi".

Inilah yang membuat para ulama salaf dan orang-orang soleh antara mereka khawatir di atas ujian kemasyhuran, penipuan dan kedudukan. Oleh kerana itu mereka memperingatkan hal ini kepada murid-muridnya. Para pengarang buku telah meriwayatkan dalam pelbagai gambaran tentang tingkah laku ini, seperti Abu Qasim a-Qusyairi dalam ar-Risalah, Abu Thalib al-Makky dalam Qutul-Qulub, dan al-Ghazali di dalam al-Ihya'.

Begitu pula yang dikatakan seorang zuhud yang terkenal, Ibrahim bin Adham, "Allah tidak membenarkan orang yang suka kemasyhuran".

Seorang zuhud yang terkenal, Bisyr al-Hafy berkata, "Saya tidak mengenal orang yang suka kemasyhuran melainkan agama menjadi sia-sia dan dia menjadi hina".

Beliau juga berkata, "Tidak akan merasakan manisnya kehidupan akhirat orang yang suka terkenal di tengah manusia".

Seseorang pernah menyertai perjalanan Ibn Muhairiz. Ketika hendak berpisah, orang itu berkata, "Berilah aku nasihat".

Ibn Muhairiz berkata, "Jika boleh hendaklah engkau mengenal tetapi tidak dikenal, berjalanlah sendiri dan jangan mahu diikuti, bertanyalah dan jangan ditanya. Lakukanlah hal ini".

Ayyub as-Sakhtiyani berkata, "Seseorang tidak berniat secara benar kerana Allah kecuali jika dia suka tidak merasakan kedudukannya".

Khalid bin Mi'dan adalah seorang ahli ibadah yang dipercayai. Jika semakin ramai orang-orang yang berkumpul di sekelilingnya, maka beliau pun beranjak pergi kerana takut dirinya menjadi terkenal.

Salim bin Handzalah menceritakan, "Ketika kami berjalan secara beramai-ramai di belakang Ubay bin Ka'ab, tiba-tiba Umar melihatnya lalu melemparkan susu ke arahnya".

Ubay bin Ka'ab lalu bertanya, "Wahai Amirul Mu'minin, apakah yang telah engkau lakukan?".

Jawab Umar, "Sesungguhnya kejadian ini merupakan kehinaan bagi yang mengikuti dan ujian bagi yang diikuti".

Ini merupakan perhatian Umar bin al-Khattab secara psikologi terhadap fenomena yang pada permulaannya boleh menimbulkan kesan dan pengaruh yang jauh terhadap kejiwaan orang-orang yang mengikuti dan sekaligus orang yang diikuti.

Diriwayatkan dari al-Hasan, beliau berkata, "Pada suatu hari Ibn Mas'ud keluar dari rumahnya, lalu diikuti beberapa orang. Maka beliau berpaling ke arah mereka dan berkata: "Ada apa kamu mengikutiku? Demi Allah, andaikata kamu tahu alasanmu menutup pintu rumahku, dua orang antara kamu pun tidak akan dapat mengikutiku".

Pada suatu hari al-Hasan keluar rumah lalu diikuti beberapa orang. Beliau bertanya, "Apakah kamu ada keperluan kepadaku? Jika tidak, mengapa kejadian seperti ini masih tersemat dalam hati orang Mu'min?".

Ayyub as-Sakhtiyani melakukan suatu perjalanan, lalu ada beberapa orang yang mengalu-alukan kedatangannya. Beliau berkata, "Andaikata tidak kerana aku tahu bahawa Allah mengetahui isi hatiku tentang ketidaksukaan aku terhadap hal ini, tentu aku takut kebencian dari Allah".

Ibn Mas'ud berkata, "Jadilah kamu sebagai sumber ilmu, pelita petunjuk, penerang rumah, obor pada waktu malam dan pembaharu hati yang diketahui penduduk langit, namun tidak dikenal penduduk bumi".

Al-Fudhail ibn Iyadh berkata, "Jika engkau sanggup untuk tidak dikenal, maka lakukanlah. Apa rugiye engkau tidak dikenal? Apa rugiye engkau tidak disanjung-sanjung? Tidak mengapalah engkau tercela di hadapan manusia selagi engkau terpuji di sisi Allah."

Athar-athar ini tidak mengajak kepada pengasingan atau uzlah. Orang-orang yang menjadi sumber riwayat ini adalah para imam dan da'ie. Mereka memiliki pengaruh yang amat besar dalam menyeru masyarakat, mengarahkan dan memperbaiki keadaan manusia. Tetapi yang dapat difahami dari sejumlah pernyataan mereka adalah kebangkitan dari naluri jiwa yang tersembunyi, kewaspadaan terhadap tipu daya yang disusupkan syaitan ke dalam hati manusia, jika hati mereka dicampuri hal-hal yang serba gemerlap dan dikelilingi orang-orang yang mengikutinya.

Kemasyhuran itu sendiri bukanlah suatu yang tercela. Tiada yang lebih masyhur daripada para Anbia', al-Khulafa' ar-Rasyidin, dan imam-imam mujtahidin. Tetapi yang tercela adalah mencari kemasyhuran, takhta dan kedudukan, serta sangat bercita-cita mendapatkannya. Kemasyhuran tanpa cita-cita ini tidaklah menjadi masalah, sekali pun ia tetap menjadi ujian bagi orang-orang yang lemah, seperti yang dikatakan oleh Imam al-Ghazali.

Sejajar dengan pengertian ini yang telah disebutkan dalam hadith Abu Zar daripada Rasulullah s.a.w, bahawa Baginda pernah ditanya tentang seorang lelaki yang melakukan suatu amal kebajikan kerana Allah, lalu orang ramai menyanjungnya.

Maka Baginda menjawab, "Itu kurnia yang didahulukan, sekaligus khabar gembira bagi orang Mu'min" (Hadith riwayat Imam Muslim, Ibn Majah dan Ahmad)

Ada pula lafaz lain, "Seseorang melakukan amal kerana Allah lalu orang-orang pun menyukainya.."

Pengertian seperti inilah yang ditafsirkan oleh al-Imam Ahmad, Ishaq bin Rahawaih, Ibn Jarir at-Thabary dan lain-lainnya.

Begitu pula hadith yang ditakhrij Imam at-Tirmidzi dan Ibn Majah, dari hadith Abu Hurairah, bahawa ada seorang lelaki berkata, "Wahai Rasulullah, ada seorang melakukan suatu amal dan dia pun senang melakukannya. Setiap kali dia melakukannya kembali, maka dia pun berasa takjub kepadanya".

Baginda bersabda, "Dia mempunyai dua pahala, pahala kerana merahsiakan dan pahala memperlihatkan".

## **Kedua: Menuduh Diri Sendiri**

Orang yang ikhlas sentiasa menuduh diri sendiri sebagai orang yang berlebih-lebihan di sisi Allah dan kerana dalam melaksanakan pelbagai kewajipan, tidak mampu menguasai hatinya kerana terpedaya oleh suatu amal dan takjub pada dirinya sendiri. Malahan dia sentiasa takut andaikata keburukan-keburukannya tidak diampunkan dan takut kebaikan-kebaikannya tidak diterima.

Kerana sikap seperti ini, ada sebahagian di antara para salaf yang menangis teresak-esak ketika jatuh sakit. Beberapa orang yang menziarahinya bertanya, "Mengapa engkau masih menangis, padahal engkau suka berpuasa, mendirikan solat malam, berjihad, mengeluarkan sedekah, haji umrah, mengajarkan ilmu dan banyak berzikir?".

Beliau menjawab, "Apa yang membuatkanku tahu bahawa hanya sedikit dari amal-amalku yang masuk dalam timbanganku dan juga diterima di sisi Rabb-ku? Sementara Allah telah berfirman, Allah hanya menerima (amal) dari orang-orang yang bertaqwa".

Satu-satunya sumber taqwa adalah hati. Maka dari itu al-Quran menambahkannya dengan firman Allah yang bermaksud: "Maka sesungguhnya itu timbul dari ketaqwaan hati..". (Surah al-Hajj, Ayat 32)

Nabi s.a.w bersabda:

"Taqwa itu ada di sini," Baginda mengulangnya tiga kali dan menunjuk ke arah dadanya. (Hadith riwayat Imam Muslim)

Sayyidah Aishah r.ha. pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang orang-orang yang dinyatakan dalam firman Allah bermaksud: "Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan dengan hati yang takut, (kerana mereka tahu bahawa) sesungguhnya mereka akan kembali kepada Rabb mereka." (Surah al-Mu'minun, Ayat 60)

"Apakah mereka orang-orang yang mencuri, berzina, meminum khamar dan mereka takut kepada Allah?"

Baginda menjawab, "Bukan, wahai puteri as-Shiddiq. Tetapi mereka adalah orang-orang yang mendirikan solat, berpuasa, mengeluarkan sedekah, dan mereka takut amalnya tidak diterima. Mereka itu bersegera untuk mendapatkan kebaikan-kebaikan, dan merekalah orang-orang yang segera memperolehnya." (Hadith riwayat Imam Ahmad dan lain-lainnya)

Orang yang mukhlis sentiasa takut terhadap riya' yang menyusup ke dalam dirinya, sedang dia tidak menyedarinya. Inilah yang disebut "syahwah khafiyyah" yang menyusup ke dalam diri orang yang meniti jalan kepada Allah tanpa disedarinya.

Dalam hal ini Ibn 'Atha'illah memperingatkan, "Kepentingan peribadi dalam kederhakaan amat jelas dan terang. Sedangkan kepentingan peribadi di dalam ketaatan tersamar dan tersembunyi. Padahal menyembuhkan apa yang tidak nampak itu amat sukar. Boleh jadi ada riya' yang masuk ke dalam dirimu dan orang lain juga tidak melihatnya. Tetapi kebanggaanmu bila orang lain melihat kelebihanmu merupakan bukti ketidakjujuranmu dalam beribadah. Maka kosongkanlah pandangan orang lain terhadap dirimu. Cukup bagimu pandangan Allah terhadap dirimu. Tidak perlu bagimu tampil di hadapan mereka agar engkau terlihat di mata mereka".

### **Ketiga: Beramal Secara Diam-Diam, Jauh Dari Hebahan**

Amal yang dilakukan secara diam-diam hendaklah lebih disukai daripada amal yang disertai hebahan dan didedahkan. Dia lebih suka memilih menjadi perajurit biasa yang rela berkorban, namun tidak diketahui dan tidak dikenali. Dia lebih suka memilih menjadi anggota biasa dari suatu jamaah, ibarat akar pohon yang menjadi penyokong dan saluran kehidupannya, tetapi tidak terlihat oleh mata, tersembunyi di dalam tanah; atau seperti asas bangunan. Tanpa asas, dinding tidak akan berdiri, atap tidak akan dapat dijadikan berteduh dan bangunan tidak dapat ditegakkan. Tetapi ia tidak terlihat, seperti dinding yang terlihat jelas. Syauqy berkata di dalam syairnya:

"Landasan yang tersembunyi

Tidak terlihat mata kerana merendah

Bangunan yang menjulang tinggi

Di atasnya dibangun megah"

Sebelum ini telah dikemukakan hadith Mu'adz, "Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berbuat kebaikan, bertaqwa dan menyembunyikan amalnya, iaitu jika tidak hadir mereka tidak diketahui. Hati mereka adalah pelita-pelita petunjuk. Mereka keluar dari setiap tempat yang gelap".

### **Keempat: Tidak Memerlukan Pujian Dan Tidak Tenggelam Oleh Pujian**

Tidak meminta pujian orang-orang yang suka memuji dan tidak bercita-cita mendapatkannya. Jika ada seseorang memujinya, maka dia tidak terkecoh tentang hakikat dirinya di hadapan orang yang memujinya, kerana memang dia lebih mengetahui tentang rahsia hati dan dirinya daripada orang lain yang boleh tertipu penampilan dan tidak mengetahui batinnya.

Ibn 'Atha'illah berkata, "Orang-orang memujimu dari persangkaan mereka tentang dirimu. Maka adalah engkau orang yang mencela dirimu sendiri kerana apa yang engkau ketahui pada dirimu. Orang yang paling bodoh adalah yang meninggalkan keyakinannya tentang dirinya kerana ada persangkaan orang-orang tentang dirinya".

Diriwayatkan dari Ali bin Abi Thalib r.a, bahawa jika dipuji orang lain maka beliau berkata, "Ya Allah, janganlah Engkau hukum aku kerana apa yang mereka katakan. Berikanlah kebaikan kepadaku dari apa yang tidak mereka ketahui".

Ibn Mas'ud r.a berkata kepada orang-orang yang mengekori dan mengerumuninya, "Andaikata kamu tahu alasanmu menutup pintu rumahku, dua orang antara kamu pun tidak akan dapat mengikutiku". Padahal beliau adalah Sahabat yg menonjol, sumber petunjuk dan pelita Islam.

Sekumpulan orang memuji seorang Rabbani. Lalu dia mengadu kepada Allah sambil berkata, "Ya Allah, mereka tidak mengenalku dan hanya Engkaulah yang mengetahui siapa diriku".

Salah seorang yang soleh bermunajat kepada Allah, kerana sebahagian orang ada yang memujinya dan menyebut-nyebut kebaikan dan kemuliaan akhlaknya:

"Mereka berbaik sangka kepadaku

Padahal hakikatnya tidaklah begitu

Tetapi aku adalah orang yang zalim

Sebagaimana yang Engkau sedia maklum

Kau sembunyikan semua aib yang ada

Dari pandangan mata mereka

Kau kenakan pakaian menawan

Sebagai tabir tutupan

Jadilah mereka mencintai

Padahal aku tidak layak dicintai

Tapi hanyalah diserupai

Janganlah Engkau hinakan aku

Pada Hari Kiamat di tengah mereka

Jadikanlah aku yang mulia

Termasuk yang hina dina"

Penyair yang soleh ini mengisyaratkan makna yang lembut dan sangat penting, iaitu keindahan tabir yang diberikan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Berapa banyak cela yang tersembunyi, dan Allah menutupinya dari pandangan orang ramai. Andaikata Allah membuka tabir itu dari pandangan mereka, tentu kelemahannya akan terserlah dan kedudukannya akan jatuh. Tetapi kurnia Allah enggan untuk menyingkap tabir kelemahan hamba-hamba-Nya, sebagai kurnia dan kemuliaan baginya.

Perkataan seumpama ini telah diucapkan oleh Ibn 'Atha'illah, "Sesiapa yang memuliakanmu, sebenarnya dia telah memuliakan keindahan tabir pada dirimu. Keutamaan ada pada diri orang yang memuliakanmu dan menutupi aibmu, bukan pada diri orang yang menyanjungmu dan berterima kasih kepadamu".

Abu al-Atahiyah berkata dalam syairnya:

"Allah telah berbuat baik kepada kita

Kerana kesalahan tidak menyebar ke mana-mana

Apa yang tersembunyi pada diri kita

Tentu tersingkap di sisi-Nya"

### **Kelima: Tidak Kedekut Pujian Terhadap Orang Yg Memang Layak Dipuji**

Tidak kedekut memberikan pujian kepada orang lain yang memang layak dipuji dan menyanjung orang yang memang layak disanjung. Di sana ada dua bencana yg bakal muncul: Pertama, memberikan pujian dan sanjungan kepada orang yang tidak berhak. Kedua, kedekut memberikan pujian kepada orang yang layak.

Nabi s.a.w pernah memuji sekumpulan para Sahabatnya, menyebut-nyebut keutamaan dan kelebihan mereka, seperti sabda Baginda tentang Abu Bakar yang bermaksud: "Andaikata aku boleh mengambil seorang kekasih selain Rabb-ku, nescaya aku mengambil Abu Bakar sebagai kekasihku. Tetapi dia adalah saudara dan Sahabatku."

Sabda Baginda s.a.w kepada Umar: "Andaikata engkau melalui suatu jalan, tentu syaitan akan melalui jalan yang lain".

Sabda Baginda s.a.w kepada Uthman: "Sesungguhnya beliau adalah orang yang para malaikat pun berasa malu terhadap dirinya".

Sabda Rasulullah s.a.w terhadap Ali: "Di mataku engkau seperti kedudukan Harun di mata Musa".

Sabda Rasulullah s.a.w terhadap Khalid bin al-Walid: "Beliau adalah salah satu daripada pedang-pedang Allah".

Sabda Rasulullah s.a.w terhadap Abu Ubaidah: "Beliau adalah kepercayaan umat ini".

Masih ramai Sahabat yang dipuji Nabi s.a.w, kerana kelebihan dan keistimewaan mereka. Di antara mereka ada dari kalangan pemuda, seperti Usamah bin Zaid yang diangkat menjadi komandan pasukan perang, padahal dalam pasukan tersebut terdapat sahabat-sahabat utama. Baginda mengangkat Itab bin Usaid sebagai pegawai di Makkah, padahal umurnya baru dua puluh tahun. Mu'adz bin Jabal dikirim ke Yaman, padahal beliau masih muda. Sebahagian di antara mereka lebih diutamakan daripada orang-orang yang lebih terdahulu memeluk Islam, kerana kelebihan dirinya, seperti Khalid bin al-Walid dan Amr bin al-Ash.

Boleh jadi seseorang tidak mahu memberikan pujian kepada orang yang layak dipuji, kerana ada maksud tertentu dalam dirinya, atau kerana rasa iri hati yang disembunyikan, seperti menyaingi kedudukannya. Kerana dia juga tidak mampu untuk melemparkan celaan, maka setidak-tidaknya dia hanya berdiam diri dan tidak perlu menyanjungnya.

Kita melihat bagaimana Umar bin al-Khattab yang meminta pendapat Ibn Abbas dalam pelbagai urusan, padahal Ibn Abbas masih sangat muda. Maka Sahabat-sahabat utama berkata kepadanya, "Bicaralah wahai Ibn Abbas. Kerana usia yg muda tidak menghalangimu untuk berbicara".

### **Keenam: Menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin**

Orang yang ikhlas kerana Allah akan berbuat sebaiknya ketika menjadi pemimpin di barisan terhadap dan tetap setia ketika berada paling belakang; dalam dua keadaan ini dia tetap mencari keredhaan Allah. Hatinya tidak dikuasai cita-cita untuk menonjol ke hadapan, menguasai barisan dan menjawat jawatan strategik dalam kepimpinan. Tetapi dia lebih mementingkan kemashlahatan pasukan kerana khuatir tidak dapat memenuhi tanggungjawab dan tuntutan kepimpinan.

Apa pun keadaannya dia tidak bercita-cita dan tidak menuntut kedudukan untuk kepentingan dirinya sendiri. Tetapi jika dia dibebankan tugas sebagai pemimpin, maka dia melaksanakannya dan memohon pertolongan kepada Allah agar dia mampu melaksanakannya dengan baik. Rasulullah s.a.w telah mensifatkan kelompok orang seperti ini dalam sabda Baginda yang bermaksud:

"Keuntungan bagi hamba yang mengambil tali kendali kudanya "fi sabilillah", yang kusut kepalanya dan yang kotor kedua telapak kakinya. Jika kuda itu berada di barisan belakang, maka dia pun berada di kedudukan penjagaan." (Hadith riwayat Imam al-Bukhari)

Allah meredhai Khalid bin al-Walid yang diberhentikan sebagai komandan pasukan, sekali pun beliau seorang komandan yang sentiasa mendapat kemenangan. Setelah itu beliau pun menjadi orang bawahan Abu Ubaidah tanpa rasa rendah diri. Dalam kedudukan seperti itu pun beliau tetap ikhlas memberikan pertolongan.

Rasulullah s.a.w memperingatkan tentang seseorang yang meminta jawatan dan berusaha untuk mendapatkannya. Telah disebutkan di dalam as-Shahihain, bahawa Nabi s.a.w pernah bersabda kepada Abdurrahman bin Samurah:

“Janganlah engkau meminta jawatan pemimpin. Kerana jika engkau memperoleh jawatan itu tanpa meminta maka engkau akan mendapat sokongan, dan jika engkau memintanya, maka semua tanggungjawab akan dibebankan kepadamu”. (Muttafaq ‘Alaihi)

### **Ketujuh: Mengutamakan Keredhaan Allah, Bukan Keredhaan Manusia**

Tidak memperdulikan keredhaan manusia jika di sebalik itu ada kemurkaan Allah ‘Azza wa Jalla. Setiap orang adalah berbeza di antara satu sama lain dalam sikap, rasa, pemikiran, kecenderungan, tujuan dan jalan yang ditempuh. Berusaha membuat mereka redha adalah suatu yang tiada penghubungnya, tujuan yang sulit diketahui dan tuntutan yang tidak terkabul. Dalam hal ini seorang penyair berkata:

“Adakalanya seseorang

Membuat redha sekian ramai orang

Kini betapa jauh jarak yang membentang

Di tengah tuntutan-tuntutan hawa nafsu”

Penyair lain berkata:

“Jika aku meredhai orang-orang yang mulia

Tentunya aku memurkai orang-orang yang hina”

Orang yang ikhlas tidak terlalu peduli dengan semua ini, kerana syiarnya hanya bersama Allah. Dikatakan dalam satu syair:

“Boleh jadi engkau mengasingkan diri

Tetapi hidup tetap terasa pahit di hati

Boleh jadi engkau redha

Padahal orang lain murka

Engkau membangun dan orang lain merobohkan

Antara diriku dan alam ada kerosakan

Jika di hatimu ada cinta semua itu tiada daya

Apa yang ada di atas tanah

Tetap menjadi tanah”

### **Kelapan: Menjadikan Keredhaan Dan Kemarahan Kerana Allah, Bukan Kerana Kepentingan Peribadi**

Kecintaan dan kemarahan, pemberian dan penahanan, keredhaan dan kemurkaan hendaklah dilakukan kerana Allah dan agama-Nya, bukan kerana pertimbangan peribadi dan kepentingannya, tidak seperti orang-orang munafik oportunis yang dicela Allah dalam Kitab-Nya:

"Dan di antara mereka ada yang mencela mu tentang (pembahagian) zakat. Jika mereka diberi sebahagian daripadanya, mereka bersenang hati, dan jika mereka tidak diberi sebahagian daripadanya, dengan serta merta mereka menjadi marah". (Surah at-Taubah, Ayat 58)

Boleh jadi engkau pernah melihat orang-orang yang aktif dalam lapangan dakwah, apabila ada salah seorang rakannya melontarkan perkataan yang mengganggu atau melukai perasaannya, atau ada tindakan yang menyakiti dirinya, maka secepat itu pula dia marah dan meradang, lalu meninggalkan harakah dan aktiviti, meninggalkan medan jihad dan dakwah.

Ikhlas dalam perjuangan menuntutnya untuk cecal dalam berdakwah dan gerak langkahnya, sekali pun orang lain menyalahkan, meremehkan dan bertindak melampaui batas terhadap dirinya. Sebab dia beramal kerana Allah, bukan kerana kepentingan peribadi atau atas nama keluarga, serta bukan kerana kepentingan orang tertentu.

Dakwah kepada Allah bukan seperti harta yang ditimbun atau harta milik seseorang. Tetapi dakwah merupakan milik semua orang. Tiada seorang Mu'min pun yang boleh menarik diri dari medan dakwah ini hanya kerana sikap atau tindakan tertentu yang mempengaruhi dirinya.

### **Kesembilan: Sabar Sepanjang Jalan**

Perjalanan yang panjang, lambatnya hasil yang bakal diperolehi, kejayaan yang tertunda, kesulitan dalam bergaul dengan pelbagai lapisan manusia dengan perbezaan perasaan dan kecenderungan mereka, tidak boleh membuatnya menjadi malas, bersikap leka, mengundurkan diri, atau berhenti di tengah jalan. Sebab dia melakukannya bukan sekadar untuk sebuah kejayaan atau pun kemenangan, tetapi yang paling pokok tujuannya adalah untuk keredhaan Allah dan menuruti perintah-Nya.

Nabi Nuh a.s, pemuka para anbia', hidup di tengah kaumnya selama 950 tahun. Beliau berdakwah dan bertabligh, namun hanya sedikit sekali yang mahu beriman kepada beliau. Padahal pelbagai cara dakwah sudah ditempuh, waktu dan bentuk dakwahnya juga pelbagai cara, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah melalui perkataan Baginda:

"Wahai Rabb-ku, sesungguhnya aku telah menyeru kaumku malam dan siang, maka seruanku itu hanyalah menambah mereka lari (dari kebenaran). Dan sesungguhnya setiap kali aku menyeru mereka (kepada iman) agar Engkau mengampuni mereka, mereka memasukkan anak jari mereka ke dalam telinganya dan menutupkan bajunya (ke mukanya) dan mereka tetap (mengingkari) dan terlalu menyombongkan diri." (Surah Nuh, Ayat 5-7)

Sekali pun menghabiskan masa selama 950 tahun, Baginda tetap menyeru kaumnya dan akhirnya ada 40 orang yang berhimpun bersama Baginda. Sedangkan kaumnya yang lain berpaling dari Baginda, sekali pun beliau sangat berharap mereka mahu beriman.

Al-Quran telah mengisahkan kepada kita individu-individu mu'min di dalam surah al-Buruj. Mereka rela mengorbankan nyawa fi sabilillah dan mereka tidak mengatakan, "Kematian ini dapat memberi apa-apa manfaat terhadap dakwah kita?"

Mereka tidak berkata seperti itu, kerana mereka mempunyai keteguhan hati dan pengorbanan. Kejayaan dakwah ada di tangan Allah. Siapa tahu darah mereka itu merupakan santapan lazat bagi pohon iman generasi berikutnya?

Perkara yang utama, kehidupan orang yang mukhlis hanya untuk Allah. Dia cecal dalam keadaan ini dan terus seperti itu. Hasil dan buah di dunia diserahkan kepada Allah, kerana Allahlah yang menyediakan penyebabnya dan membatasi waktunya. Dia hanya sekadar berusaha. Jika berjaya, maka segala puji hanya bagi Allah, dan jika gagal, maka segala daya kekuatan itu hanya milik Allah.